

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas soalan Prinsip Akaun 3756/1 mengandungi 6 soalan dan tidak ada soalan pilihan. Masa yang diperuntukkan kepada calon ialah 3 jam dengan jumlah markah 100.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada keseluruhannya prestasi jawapan calon tahun ini kurang memuaskan. Bilangan calon yang mendapat keputusan cemerlang tidak ramai. Mutu persembahan jawapan calon kurang meyakinkan terutama soalan nombor 2, 5 dan 6. Sebilangan besar calon tidak dapat menjawab semua soalan.

PRESTASI KESELURUHAN MENGIKUT KUMPULAN**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Prestasi keseluruhan jawapan calon dalam kumpulan ini adalah baik. Susunan jawapan calon teratur, bersistematik dan menepati peraturan pemarkahan. Calon memahami tugas soalan dengan baik dan berjaya menjawab semua soalan. Persembahan jawapan calon juga mengikut format yang tepat.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Mutu jawapan calon pada keseluruhannya memuaskan. Calon dalam kumpulan ini secara keseluruhannya mampu menjawab 4 daripada 6 soalan yang dikemukakan iaitu soalan nombor 1, 2, 3 dan 4. Terdapat bahagian tertentu dalam soalan itu tidak dijawab dengan sempurna. Persembahan jawapan mengikut format tetapi tidak tepat dan lengkap. Susunan jawapan kurang teratur.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Prestasi jawapan calon kumpulan ini tidak memuaskan. Bilangan soalan yang dijawab hanya satu atau dua sahaja dan kebiasaannya menjawab soalan nombor 1 dan 2. Susunan jawapan calon tidak teratur, tidak bersistematik dan tidak menepati peraturan pemarkahan. Terdapat juga calon yang menjawab tidak mengikut tugas soalan seperti menyediakan lembaran kerja untuk soalan nombor 2 (sepatutnya Penyata Pendapatan dan Kunci Kira-Kira dalam bentuk penyata). Susunan jawapan bercampur aduk, suka meneka dan tidak lengkap. Terdapat juga calon yang hanya menyalin soalan sahaja. Jawapan calon menunjukkan kelemahan ketara dalam sistem catatan bergu dan tidak menggunakan format yang betul.

PRESTASI TERPERINCI**Soalan 1**

Soalan ini berkaitan dengan kitaran perakaunan untuk menguji kebolehan calon menyediakan buku catatan pertama iaitu Buku Tunai, Jurnal Am, Jurnal Jualan, Jurnal Belian dan Jurnal Pulangan Belian. Soalan ini juga menguji kemahiran calon

memindahkan catatan daripada buku catatan pertama ke lejar mengikut sistem catatan bergu dan penggunaan prinsip perakaunan. Seterusnya calon diuji untuk menyediakan Imbangan Duga pada akhir tempoh perakaunan tertentu berdasarkan baki dalam lejar.

Calon didapati berjaya menganalisis dokumen sumber dan mengenalpasti buku catatan pertama yang terlibat dengan tepat. Calon juga boleh membuat catatan dalam buku catatan pertama dengan betul. Format buku catatan pertama dapat disediakan dengan baik sekali. Sebahagian besar calon dapat membuat pengeposan ke lejar daripada buku catatan pertama mengikut sistem catatan bergu. Didapati dalam jawapan calon, kesilapan catatan dua kali dalam buku catatan pertama dan lejar telah berkurangan daripada tahun sebelumnya. Calon juga dapat menyediakan Imbangan Duga menggunakan format yang betul .

Jawapan calon menunjukkan kelemahan dalam menentukan fungsi buku catatan pertama dan kesannya calon mencatat dalam buku catatan pertama yang salah. Penyediaan buku catatan pertama tidak dibuat dengan tepat. Lejar yang disediakan tidak tepat. Sistem catatan bergu tidak dikuasai dengan baik menyebabkan calon merekod ke dalam akaun yang salah dan menggunakan butiran dan angka yang salah. Bagi calon yang lemah pula, mereka sering membuat pengeposan songsang dalam lejar kerana kurang penguasaan dalam prinsip perakaunan dan sistem catatan bergu. Sebahagian calon juga didapati kurang cekap memindahkan baki debit dan baki kredit daripada lejar ke Imbangan Duga.

Penyediaan Buku Tunai, Jurnal Am dan Jurnal Khas tidak tepat. Antara kesilapan yang berlaku ialah Buku Tunai tertinggal catat lajur diskaun diterima. Jurnal Am disediakan berselang seli dengan Jurnal Khas, Jurnal khas disediakan dalam bentuk jurnal am, proses penutupan jurnal tidak sempurna dengan kesalahan tidak mempunyai jumlah atau tertinggal catatan tarikh. Terdapat juga jawapan calon yang menulis tarikh yang salah. Calon tidak dapat membezakan fungsi jurnal pulangan belian dengan jurnal pulangan jualan menyebabkan urus niaga pulangan belian dicatat dalam "Jurnal Pulangan Jualan". Belian perabot secara kredit tersilap catat dalam Jurnal Belian yang sepatutnya dicatat dalam Jurnal Am. Kesilapan juga banyak berlaku semasa menulis butiran dalam buku catatan pertama dan lejar. Ramai calon menggunakan butiran "baki b/b " menggantikan butiranyang betul iaitu "modal" dalam Buku Tunai dan Akaun Modal. Barang niaga yang diambil untuk promosi dicatat menggunakan butiran "ambilan" atau "Belanja iklan" dalam Jurnal Am yang sepatutnya dicatat dengan butiran "Promosi". Butiran "alat tulis" dalam Buku Tunai pula dicatat salah menggunakan butiran "Kedai Alat Tulis Narita", butiran "Belian" dicatat salah dengan butiran "Plastik Wawasan". Ada juga calon menggunakan nama penghutang dan nama pemiutang dalam akaun jualan, belian, pulangan belian dan diskaun diterima yang sepatutnya dicatat dengan butiran "Pelbagai Penghutang" dan "Pelbagai Pemiutang". Baki akhir akaun modal dan jualan pula dicatat sebagai baki debit dalam akaun berkenaan yang sepatutnya di sebelah debit untuk menunjukkan baki kredit.

Contoh kesilapan itu boleh ditunjukkan seperti di bawah :

Akaun Modal	
Baki h/b	26 000 (x)

Akaun Jualan

Baki h/b /		
Ak.Perdagangan	18 529	(x)

Angka untuk tunai dan bank seringkali bertukar ketika catatan dibuat dalam Akaun Modal. Angka tunai dan bank yang betul ialah Tunai RM1 000 dan Bank RM25 000. Terdapat juga calon tidak mengimbang akaun yang mempunyai lebih daripada satu catatan dengan baki h/b. Jawapan sekadar mempunyai jumlah sahaja. Contohnya:

Akaun Modal

Bank	26 000
Tunai	1 000
	<hr/>
	27 000

Akaun yang tidak diimbang menyebabkan angka dalam Imbangan Duga tidak mempunyai rujukan daripada lejar. Akaun yang berbaki debit dicatat berbaki kredit dalam Imbangan Duga. Contohnya :

Imbangan Duga pada 31 Oktober 2003

	Debit	Kredit
	RM	RM
Jualan	18 529	
Belian		31 640
Diskaun diterima	904	

Terdapat sebahagian calon tidak dapat menulis tajuk Imbangan Duga tidak dengan tepat.

Soalan 2

Soalan nombor 2 berkisar di sekitar penyediaan Penyata Pendapatan (Akaun Perdagangan dan Untung Rugi) dan Kunci Kira-Kira bentuk penyata. Soalan ini juga menguji kebolehan calon membuat pelarasan stok akhir, peruntukan hutang ragu, belanja terakru dan pengambilan barang niaga untuk kegunaan peribadi pemilik. Selain itu soalan ini juga menguji calon dalam penguasaan format dan prinsip perakaunan .

Majoriti calon mampu menguasai format Penyata Pendapatan dan Kunci Kira-Kira dengan baik. Calon juga tahu mengira untung kasar dan untung bersih dalam Penyata Pendapatan di samping boleh membuat pelarasan yang mudah seperti pelarasan stok akhir dan pengambilan barang niaga. Kebanyakan calon dapat menulis tajuk Penyata Pendapatan dan tajuk Kunci Kira-Kira dengan betul.

Walau bagaimanapun, bagi calon yang lemah didapati tidak dapat membezakan format Penyata Perdagangan dan format penyata Untung Rugi dengan jelas dan konsep penyata iaitu hasil tolak belanja. Sebahagian calon tidak dapat membezakan antara hasil dengan belanja, aset dengan liabiliti dan belanja hasil dengan belanja modal. Format Kunci Kira-kira tidak dapat dikuasai dengan baik. Sehubungan itu modal kerja tidak dapat ditunjukkan dalam Kunci Kira-Kira. Calon juga lemah dalam pelarasan terutamanya pelarasan Peruntukan Hutang Ragu dan Peruntukan Susut Nilai. Sebahagian kecil calon cuai dalam meneliti tugas soal dan masih terdapat calon keranamenjawab dalam format "T" atau "Lembaran Kerja" sedangkan tugas menghendaki calon menjawab dalam bentuk penyata.

Dalam penyediaan Penyata Pendapatan, pengiraan untung kasar sering tidak tepat kerana kesalahan menambah jualan bersih dengan kos jualan. Ambilan barang niaga dicatat sebagai satu jalan kerja pelarasan dengan ditolak daripada belian. Sepatutnya ambilan ditolak terus daripada belian dan tidak ditunjukkan sebagai jalan kerja pelarasan dalam Penyata Pendapatan. Satu lagi kesalahan ialah angkutan masuk ditolak dalam pengiraan kos jualan yang sepatutnya ditambah untuk mendapatkan belian bersih. Contoh kesalahan yang dinyatakan di atas tadi ialah seperti berikut:

	RM	RM
Kos jualan :		
Stok awal		28 100
+ Belian	42 600	
- Ambilan	130 (x)	
	42 470	
- Angkutan masuk	<u>270 (x)</u>	
		42 400

Calon juga mencampur pulangan masuk dengan jualan, sedangkan pulangan masuk sepatutnya ditolak dengan jualan. Ada calon keliru antara pulangan masuk dengan pulangan keluar menyebabkan pulangan masuk ditolak daripada belian. Pulangan masuk hanya boleh ditolak daripada jualan. Dalam penyediaan Kunci Kira-Kira, terdapat kesilapan di mana liabiliti jangka panjang (pinjaman bank) ditolak dengan modal akhir untuk mendapat keseimbangan Kunci Kira-Kira. Sepatutnya pinjaman bank ditambah dengan ekuiti pemilik. Kesilapan catatan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

	RM
Ekuiti Pemilik :	
Modal awal	35 000
+ Untung bersih	<u>8 254</u>
	43 254
- Ambilan	<u>130</u>
Modal akhir	43 124
- Liabiliti Jangka Panjang :	
Pinjaman bank	<u>8 000 (x)</u>
	35 124

Terdapat juga kesilapan calon mencampurkan pinjaman dengan faedah pinjaman dan dicatat dalam Kunci Kira-Kira seperti berikut:

Liabiliti Jangka Panjang :		
Pinjaman bank	8 000	(x)
+ Faedah pinjaman bank	<u>320</u>	(x)
	8 320	(x)

Dari segi kesilapan butiran, didapati ramai calon menggunakan butiran "Belanja peruntukan susut nilai" dalam Penyata Pendapatan menggantikan butiran yang betul "Susut nilai" atau "Peruntukan susut nilai". Calon juga selalu salah membuat pengiraan susut nilai dan peruntukan hutang ragu. Dalam penyediaan Penyata Pendapata, persembahan penyata dalam jawapan tidak dimulakan dengan hasil tetapi dimulakan dengan belanja, diikuti dengan hasil dan ditolak secara songsang daripada hasil. Calon juga memasukkan butiran modal ke dalam Penyata Pendapatan seperti baki awal Peruntukan hutang ragu dan Peruntukan susut nilai. Ada juga jawapan calon yang memasukkan butiran hasil ke dalam Kunci Kira-kira seperti butiran susut nilai dan faedah

pinjaman bank. Calon tidak menunjukkan modal kerja dalam Kunci Kira-Kira bentuk penyata. Calon juga suka meneka dengan memasukkan butiran dan angka yang sama ke dalam Penyata Pendapatan dan Kunci Kira-Kira. Aset tetap tidak ditolak dengan Peruntukan susut nilai dan penghutang tidak ditolak dengan Peruntukan hutang ragu. Selain daripada itu, ada jawapan calon yang menggunakan singkatan "PHR" untuk Peruntukan hutang ragu dan "PSN" untuk Peruntukan susut nilai yang tidak diterima dalam peraturan pemarkahan. Pelbagai format persamaan Kunci Kira-Kira digunakan oleh calon yang menyebabkan modal kerja tidak dapat ditunjukkan dalam jawapan. Contoh format persamaan yang digunakan ialah seperti berikut:

$$(i) \quad (\text{Aset Tetap} + \text{Aset Semasa}) - \text{Liabiliti Semasa} = \text{Ekuiti Pemilik} + \text{Liabiliti Jangka Panjang.}$$

$$(ii) \quad \text{Aset Tetap} + \text{Aset Semasa} = \text{Liabiliti Semasa} + \text{Ekuiti Pemilik} + \text{Liabiliti Jangka Panjang.}$$

Terdapat calon yang salah memasukkan butiran aset semasa ke dalam liabiliti semasa dan sebaliknya. Ini menyebabkan angka modal kerja yang diperoleh salah. Ada juga calon yang memasukkan pinjaman bank ke dalam liabiliti semasa. Contoh kesilapan yang dinyatakan di atas adalah seperti berikut:

Kunci Kira-Kira pada 31 Mei 2003

	RM	RM
Aset Semasa :		
Stok awal		23 200
Penghutang	2 650	
- Peruntukan Hutang Ragu	106	
		2 544
Faedah pinjaman terakru		40 (x)
Tunai		820
		26 604
- Liabiliti Semasa :		
Pemiutang	3 700	
Bank	6 430 (x)	
Pinjaman bank	8 000 (x)	
		18 130
Modal kerja		8 474 (x)

Soalan 3

Soalan ini menguji calon untuk membuat pelarasan yuran dalam Akaun Yuran Ahli dan menyediakan akaun lejar. Seterusnya meminta calon menyediakan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan kelab dan persatuan dengan pelarasan yuran ahli, alat tulis, belanja terakru dan susut nilai aset tetap. Calon juga dikehendaki menyediakan Penyata Dana Terkumpul Awal.

Sebilangan besar calon dapat menyediakan akaun yuran dengan betul dan memindahkannya ke Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan mengikut prinsip perakaunan.

Kebanyakan calon dapat menguasai format Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan dan dapat menyediakan akaun tersebut dengan butiran yang tidak melibatkan pelarasan. Calon juga dapat mengingat rumus semasa menyediakan Penyata Dana Terkumpul Awal dengan jumlah aset awal ditolak jumlah liabiliti awal.

Kelemahan calon yang dapat dikesan dalam soalan ini ialah calon tidak dapat membezakan belanja hasil dengan belanja modal dan pendapatan hasil dengan pendapatan modal dalam menyediakan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan. Jawapan juga menunjukkan calon lemah dalam membuat pengkelasan butiran aset dan liabiliti yang melibatkan pelarasan tertunggak, terdahulu dan terakru serta lemah dalam pelarasan susut nilai dan alat tulis.

Sebahagian daripada calon tidak dapat membezakan yuran terdahulu dan yuran tertunggak untuk menentukan baki debit dan baki kredit dan menyebabkan berlaku kesilapan pelarasan dalam Akaun Yuran. Kesilapan tersebut ditunjukkan seperti di bawah:

Akaun Yuran			
	RM		RM
Yuran terdahulu	300	(x)	
Pendapatan dan Perbelanjaan	25 470	(x)	Bank
Yuran tertunggak	240	(x)	
	<u>26 010</u>		<u>26 010</u>

Penggunaan butiran juga berlaku kesalahan yang jelas dalam Akaun Yuran seperti "Yuran Terdahulu b/b" dan "Yuran Tertunggak h/b". Dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan, pendapatan hasil dan perbelanjaan hasil dicatat secara songsang iaitu perbelanjaan hasil dicatat sebelah kredit dan pendapatan hasil dicatat sebelah debit. Contohnya :

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

	RM		RM
Bayaran masuk	500	Belanja mesyuarat	600
Yuran ahli	26 550	Penyelenggaraan padang	2 400
Yuran pertandingan	7 500	Elaun kehormat	8 400
		Kadar bayaran	3 850
		Belanja pos	174

Sepatutnya bayaran masuk, yuran ahli dan yuran pertandingan dicatat di sebelah kredit dalam akaun di atas. Sebaliknya butiran belanja di sebelah kredit dicatat di sebelah debit. Bagi mengimbangkan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan, ramai calon menggunakan butiran "Untung bersih" atau "Baki h/b" yang sepatutnya ditulis dengan butiran "Lebihan". Penyediaan Dana Terkumpul Awal tidak mengikut tugas seperti disediakan dalam bentuk Kunci Kira-kira sama seperti mengira Dana Terkumpul Akhir. Terdapat juga jawapan berbentuk hitungan tanpa butir seperti berikut:

$$(80\,000 + 15\,960 + 15\,760 + 21\,743 + 850) - 300 = 134\,013 \quad (x)$$

Butiran aset dan liabiliti bercampur aduk dalam penyediaan Dana Terkumpul Awal. Yuran terdahulu dianggap aset dan alat tulis tidak disenaraikan dalam komponen aset .

Soalan 4

Skop pengujian soalan ini berfokus kepada pembubaran perkongsian dengan tugas untuk menyediakan Akaun Realisasi, Akaun Modal pemilik perniagaan dan Akaun Bank. Soalan ini juga menguji kebolehan calon membuat catatan lejar dan penguasaan sistem catatan bergu.

Kekuatan calon dalam soalan ini ialah calon dapat menguasai format Akaun Realisasi, Akaun Modal dan Akaun Bank dengan baik. Calon juga dapat menyediakan jawapan menggunakan catatan bergu. Pemindahan akaun aset ke Akaun Realisasi dapat dibuat dengan baik. Ramai calon tahu cara mengira rugi realisasi mengikut nisbah pembahagian untung rugi yang diberi dalam soalan.

Walau bagaimana pun terdapat kelamahan penggunaan butiran. Misalnya dalam Akaun Realisasi, terdapat calon yang lebih mirip kepada penggunaan butiran dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi. Butiran "Rugi realisasi" selalu dicatat salah menggunakan butiran "Pembahagian rugi" atau "Kongsi rugi". Pengiraan rugi realisasi selalu tidak tepat. Terdapat juga sebilangan calon yang meneka dengan memasukkan butiran dan angka yang sama dalam dua akaun yang tidak ada kaitan.

Kaedah merekod belanja realisasi dan rugi realisasi dalam Akaun Realisasi dengan Akaun Modal dan Akaun Bank juga tidak menggunakan sistem catatan bergu yang betul kerana tidak konsisten. Kesan daripada kelemahan ini dapat dikesan daripada jawapan calon di mana dalam Akaun Realisasi calon menggunakan butiran "Rugi realisasi" tetapi dalam Akaun Modal digunakan butiran "Realisasi". Contoh kesilapan tersebut ditunjukkan seperti di bawah :

Akaun Realisasi		
		RM
	Rugi realisasi :	
	Husin	2 150
	Chee Heng	4 300

Akaun Modal Husin		
	RM	
Realisasi	2 150 (x)	

Akaun Modal Chee Heng		
	RM	RM
Realisasi	4 300 (x)	

Akaun Realisasi		
		RM
	Modal Husin	2 150
	Modal Chee Heng	4 300

Akaun Modal Husin		
	RM	
Rugi Realisasi	2 150 (x)	

Akaun Modal Chee Heng		
	RM	RM
Rugi Realisasi	4 300 (x)	

Seterusnya dalam jawapan juga diadapati penggunaan butiran “bank” salah digunakan dengan menggantikannya dengan nama penghutang dan aset sebelah kredit Akaun Realisasi. Contohnya kesalahan tersebut seperti di bawah :

Akaun Realisasi		
		RM
Penghutang		7 436 (x)
Bangunan, lengkapan dan stok		168 500 (x)

Akaun Realisasi		
		RM
Bank – penghutang		7 436 (x)
Bank – bangunan lengkapan dan stok		168 500 (x)

Kecuaian calon juga dapat dikesan dalam Akaun Modal dimana pembayaran balik modal pekongsi menggunakan butiran “Baki h/b” menggantikan butiran “Bank.”

Akaun Modal Husin		
	RM	
Rugi Realisasi	2 150	
Baki h/b	57 850 (x)	

Akaun Modal Chee Heng		
	RM	
Rugi Realisasi	4 300	
Baki h/b	115 700 (x)	

Terdapat juga jawapan calon yang mencatat baki modal awal di sebelah debit dalam Akaun Modal. Sering terdapat calon mencatat butiran gaji terakru dan pemiutang sebanyak dua kali iaitu dalam Akaun Bank dan terdapat juga dalam Akaun Realisasi.

Akaun Realisasi		
		RM
Pemiutang		12 639 (x)
Gaji terakru		600 (x)

Akaun Bank

	RM	
Pemiutang	12 639	(x)
Gaji terakru	600	(x)

Hutang lapuk seringkali tidak diambil kira semasa merekod kutipan daripada penghutang menyebabkan catatan dalam Akaun Realisasi salah. Terdapat pula calon yang mencatat hutang lapuk dalam Akaun Realisasi sebagai pelarasan baki penghutang yang dapat dikutip. Kesilapan jawapan tersebut ditunjukkan seperti berikut:

Akaun Realisasi

	RM			RM	
Hutang lapuk	500	(x)	Penghutang	7 936	(x)

Ramai sekali bilangan calon yang gagal merekod rugi realisasi dalam Akaun Realisasi dengan betul dan tidak mengikut peraturan catatan lejar. Catatan calon seperti mencatat akaun penamat iaitu Akaun Pengasingan Untung Rugi.

Akaun Realisasi

	RM	RM
Bank		175 936
Rugi realisasi :		
Husin	2 150	(x)
Chee Heng	<u>4 300</u>	(x)
		6 450

Soalan 5

Soalan ini menguji kebolehan calon menyediakan Penyata Kos Pengeluaran dengan pelarasan stok bahan mentah, kerja dalam proses, belanja terdahulu, belanja terakru, pengagihan kos antara kilang dan pejabat dan pelarasan susut nilai aset tetap. Calon juga diuji dari segi pengkelasan komponen kos dalam pengeluaran iaitu kos bahan mentah digunakan, kos buruh langsung dan kos overhead.

Ramai calon menjawab mengikut tugas soal dengan baik untuk menyediakan Penyata Kos Pengeluaran. Sebahagian besar calon juga dapat menyediakan Penyata Kos Pengeluaran dengan susunan komponen kos yang betul iaitu kos bahan mentah digunakan, kos buruh langsung dan kos overhead. Tajuk Penyata Kos Pengeluaran juga dapat ditulis dengan betul.

Ramai calon menjawab tidak mengikut tugas soal dengan menjawab menggunakan format "T". Calon kurang cekap mengkelas kos ke dalam tiga komponen kos menyebabkan butiran untuk tiga komponen kos itu bercampur aduk. Terdapat calon yang memasukkan butiran modal seperti aset tetap dalam jawapan. Sebahagian daripada calon didapati tidak cuba menjawab soalan ini.

Butiran modal seperti stok alat kecil dan stok barang siap didapati dicatat dalam Penyata kos Pengeluaran. Terdapat jawapan calon yang tidak ada pembahagian kos yang jelas dimana butiran bercampur aduk dalam tiga komponen kos. Contohnya, upah pekerja kilang dicatat dalam komponen kos overhead. Calon juga didapati lemah dalam membuat pelarasan insurans, sewa, susut nilai alat kecil dan susut nilai loji. Contoh kesilapan yang dinyatakan di atas adalah seperti berikut:

<u>Penyata Kos Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Disember 2003</u>		
	RM	RM
<u>Kos bahan mentah digunakan</u>		
Stok awal bahan mentah	42 460	
+ Belian bahan mentah	126 950	
	<u>169 410</u>	
Gaji pengurus dan kerani kilang	36 000	(x)
Angkutan masuk bahan mentah	11 660	
	<u>217 070</u>	
Tolak: Stok akhir bahan mentah	32 330	184 740 (x)
<u>Kos overhead</u>		
Upah pekerja kilang	50 196	(x)
Lesen kilang	3 740	
Sewa kilang	10 000	
Elektrik dan air	5 680	
Insurans kilang	1 800	
Loji dan mesin	1 750	(X)
Alat-alat kecil	1 750	(X)
		<u>74 916 (x)</u>
Kos Pengeluaran		<u>189 656</u>

Terdapat juga calon yang tidak merekod kerja dalam proses awal dalam mana-mana komponen kos. Stok awal bahan mentah juga sering tidak diambil kira dalam mencari kos bahan mentah digunakan. Jawapan calon hanya menolak stok akhir bahan mentah daripada belian bahan mentah. Contoh jawapan salah yang dimaksudkan ialah seperti berikut:

<u>Penyata Kos Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Disember 2003</u>		
	RM	RM
<u>Kos bahan mentah digunakan</u>		
Belian bahan mentah	126 950	
Angkutan masuk	11 660	
Duti import	<u>2 300</u>	
	140 910	
Tolak: Stok akhir bahan mentah	<u>32 330</u>	
Kos bahan mentah digunakan		108 580 (x)

Kesilapan lain ialah terdapat calon yang masih terpengaruh dengan konsep penyediaan Penyata Pendapatan dengan menolak jumlah kos overhed bagi mendapatkan jumlah kos pengeluaran.

SOALAN 6

Fokus soalan ini tertumpu kepada menguji kebolehan calon untuk menggunakan alat pengukuran dalam menilai prestasi kewangan perniagaan dengan tugas menghitug Kos Jualan, Untung Kasar, Margin Untung Kasar dan Kadar Pusing Ganti Stok. Sehubungan dengan itu juga calon diuji untuk menerangkan maksud margin untung kasar berdasarkan angka yang diperoleh dalam pengiraannya.

Sebahagiann besar calon berjaya menulis rumus dengan betul. Mereka boleh mendapat jawapan yang tepat jika rumus yang digunakan adalah betul. Penghafalan rumus banyak membantu calon dalam menguasai jawapan.

Kegagalan calon menghafal rumus menyebabkan sebahagian calon tidak dapat menjawab dengan baik. Ramai calon tidak dapat mengaitkan antara satu maklumat dengan maklumat yang lain yang diberi dalam soalan. Maklumat kewangan perlu dianalisis dengan cermat dan memerlukan kemahiran berfikir yang kritis dan kreatif. Kecuaian calon kerana tidak memberi tumpuan kepada soalan yang berbentuk teori, menjadikan sebilangan besar calon tidak menjawab soalan ini atau calon yang cuba menjawabnya, didapati jawapannya tidak tepat. Kelemahan calon dalam matematik juga menjadikan soalan ini sukar dijawab oleh sebahagian calon.

Calon gagal menghitug jumlah kos jualan dengan tepat kerana menggunakan rumus kos jualan yang salah. Masalah tokokan 20% dalam maklumat tambahan yang gagal diselesaikan oleh calon memberi kesan kepada ketepatan pengiraan untung kasar. Calon tidak dapat mengaitkan maklumat tokokan dengan kos jualan (hasil daripada pengiraannya) untuk menghitug untung kasar. Jawapan calon dalam soalan teori tidak tepat. Huraian dibuat dengan peratus sahaja dan tidak dapat mengaitkan dengan untung. Tafsiran lebih kepada menulis semula rumus dalam bentuk perkataan. Sebilangan calon cuai dalam menulis "unit" jawapan samaada peratus, kali dan sebagainya. Rumus dan jalankerja tidak tepat dan kadang kala tidak ditunjukkan langsung dalam jawapan. Calon juga tidak dapat mengaitkan margin untung kasar dengan jualan bersih. Ada juga sebahagian calon menggunakan rumus titik pulang modal dan stok purata untuk mengira kadar pusing ganti stok .

$$\text{Kadar Pusing ganti stok} = \frac{\text{Kos tetap}}{\text{margin sumbangan}}$$

$$\text{Kadar Pusing ganti stok} = \frac{\text{Stok awal} + \text{Stok akhir}}{2}$$

SARANAN KEPADA CALON

1. Membaca tugas soal dengan teliti . Jawab mengikut tugas soal.
2. Persediaan awal perlu dibuat sebelum menghadapi peperiksaan.
3. Menguasai semua tajuk yang telah dipelajari yang meliputi sukatan pelajaran.
4. Faham fungsi sesuatu dokumen dan kaitannya dengan buku catatan pertama.
5. Mengulangkaji dengan membuat latihan sendiri dari soal yang telah dibincangkan atau dari soal SPM dari tahun yang lepas dan juga latihan yang setara dengannya.
6. Mengetahui tatacara menyediakan jurnal, akaun dan juga penyata.
7. Fahami aspek teori iaitu konsep asas latar belakang sesuatu tajuk.
8. Membiasakan menulis butiran dengan nama akaun bukan dalam bentuk ayat dalam jawapan.
9. Mahir dalam prinsip catatan bergu kerana prinsip ini banyak digunakan dalam soal peperiksaan.

SARANAN KEPADA GURU

1. Guru perlu mengajar mengikut sukatan pelajaran yang ditetapkan.
2. Habiskan sukatan pelajaran dan tidak mengajar mengikut topik ramalan sahaja.
3. Pengajaran juga mesti merangkumi aspek teori setiap tajuk.
4. Tingkatkan kefahaman calon tentang fungsi pelbagai dokumen perniagaan.
5. Menunjukkan teknik menjawab yang betul. Mengetahui cara pemarkahan kertas dengan mengikut ceramah atau kursus yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri.
6. Guru patut mengikut perkembangan soal lembaga peperiksaan. Membina soal ujian atau peperiksaan dengan mengikut piawaian peperiksaan sebenar.
7. Memberikan galakkan dan meningkatkan minat calon terhadap mata pelajaran ini, agar calon lemah tidak merasa tertekan.
8. Memberikan latihan atau latih tubi yang mencukupi daripada soal lembaga peperiksaan dan soal yang setara dengannya.
9. Mengukuhkan kefahaman prinsip catatan bergu, peraturan debit kredit dan pengelasan akaun lejar kepada calon.